



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 25

13hb Disember 2007

TAMBAHAN No. 146
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 409.

**AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA
JENAYAH 2002**

**PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH
(HONG KONG WILAYAH PENTADBIRAN KHAS) 2007**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas) 2007**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 27(1) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertinya Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas, Republik Rakyat China mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara Jenayah yang dimuktamadkan dan ditandatangani di Hong Kong pada 17 Oktober 2006 yang di bawahnya Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta kepada Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL

[Perenggan 5]

**PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN
KERAJAAN HONG KONG WILAYAH PENTADBIRAN KHAS,
REPUBLIK RAKYAT CHINA MENGENAI BANTUAN BERSAMA
UNDANG-UNDANG DALAM PERKARA JENAYAH**

SUSUNAN KANDUNGAN

BAHAGIAN I – PERUNTUKAN AM

Perkara 1	Ruang Lingkup Bantuan
Perkara 2	Ketidakkapaian
Perkara 3	Pihak Berkuasa Pusat
Perkara 4	Had ke atas Pematuhan
Perkara 5	Permintaan
Perkara 6	Kandungan Permintaan
Perkara 7	Pelaksanaan Permintaan
Perkara 8	Had ke atas Penggunaan
Perkara 9	Perlindungan Kerahsiaan dan Sekatan ke atas Penggunaan Keterangan dan Maklumat

BAHAGIAN II – BENTUK BANTUAN

- Perkara 10 Pemerolehan Keterangan
- Perkara 11 Pengambilan Testimoni melalui Hubungan Video atau Televisyen
- Perkara 12 Mencari atau Mengenal Pasti Orang
- Perkara 13 Penyampaian Dokumen
- Perkara 14 Dokumen yang Tersedia Secara Awam dan Dokumen Rasmi
- Perkara 15 Kehadiran Orang di Pihak yang Meminta
- Perkara 16 Kehadiran Orang dalam Jagaan di Pihak yang Meminta
- Perkara 17 Perjalanan Selamat
- Perkara 18 Penggeledahan dan Penyitaan
- Perkara 19 Hasil dan Peralatan Jenayah
- Perkara 20 Pemulangan Keterangan

BAHAGIAN III – PERUNTUKAN AKHIR

- Perkara 21 Pemerakuan dan Pengesahan
- Perkara 22 Representasi dan Perbelanjaan
- Perkara 23 Kesesuaian dengan Perkiraan Lain
- Perkara 24 Rundingan
- Perkara 25 Pindaan
- Perkara 26 Penyelesaian Pertikaian
- Perkara 27 Permulaan Kuat Kuasa dan Penamatan

**PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN
KERAJAAN HONG KONG WILAYAH PENTADBIRAN KHAS,
REPUBLIK RAKYAT CHINA MENGENAI BANTUAN BERSAMA
UNDANG-UNDANG DALAM PERKARA JENAYAH**

Kerajaan Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas, Republik Rakyat China (“Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas”) yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan Rakyat Pusat Republik Rakyat China untuk membuat Perjanjian ini dengan Kerajaan Malaysia (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”);

Dengan hasrat untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang kedua-dua Pihak dalam penyiasatan, pendakwaan dan pencegahan jenayah serta pengesanan, penyekatan dan pelucuthakan hasil dan peralatan jenayah melalui kerjasama dan bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah;

Telah bersetuju seperti yang berikut:

BAHAGIAN I – PERUNTUKAN AM

PERKARA 1

RUANG LINGKUP BANTUAN

- (1) Pihak-Pihak hendaklah, mengikut peruntukan Perjanjian ini dan dengan mematuhi undang-undang mereka masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama undang-undang yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan dan prosiding yang berkenaan dengan kesalahan yang ke atasnya Pihak yang Meminta mempunyai bidang kuasa pada masa bantuan itu diminta.
- (2) Bantuan hendaklah termasuk:
 - (a) mencari dan mengenal pasti saksi dan orang yang disyaki;
 - (b) menyampaikan dokumen kehakiman;
 - (c) memperoleh pernyataan dan keterangan daripada orang;
 - (d) melaksanakan permintaan bagi penggeledahan dan penyitaan;
 - (e) memudahkan kehadiran orang untuk memberikan keterangan atau bantuan berhubung dengan perkara jenayah;
 - (f) membuat perkiraan bagi pemindahan sementara orang dalam jagaan untuk memberikan keterangan atau bantuan berhubung dengan perkara jenayah;
 - (g) membekalkan maklumat, dokumen, barang dan rekod (termasuk rekod kehakiman dan rasmi serta rekod bank, kewangan, korporat dan perniagaan);
 - (h) mengenal pasti, mengesan, menyekat, menyita, mendapatkan, melucuthakkan dan merampas hasil dan peralatan aktiviti jenayah;

- (i) meminjamkan ekshibit;
- (j) memeriksa objek dan tempat; dan
- (k) bantuan lain yang selaras dengan tujuan Perjanjian ini yang selaras dengan undang-undang Pihak yang Diminta.

(3) Dalam hal permintaan yang berhubungan dengan penyiasatan terhadap kesalahan percukaaian bantuan hendaklah ditolak jika maksud utama penyiasatan itu adalah pentaksiran atau pemungutan cukai.

(4) Perjanjian ini adalah semata-mata diniatkan bagi bantuan bersama undang-undang antara Pihak-Pihak. Peruntukan-peruntukan Perjanjian tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat atau mengetepikan apa-apa keterangan atau untuk menghalang pelaksanaan sesuatu permintaan.

PERKARA 2

KETIDAKPAKAIAN

- (1) Perjanjian ini tidak terpakai kepada—
- (a) penangkapan atau penahanan mana-mana orang dengan tujuan untuk menyerahkan orang itu;
 - (b) penguatkuasaan di Pihak yang Diminta akan penghakiman jenayah yang dikenakan di Pihak yang Meminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta;
 - (c) pemindahan orang dalam jagaan untuk menjalani hukuman; dan
 - (d) pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.
- (2) Perjanjian ini tidak memberi kuasa mana-mana Pihak untuk melaksanakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, pelaksanaan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undangnya.

PERKARA 3

PIHAK BERKUASA PUSAT

- (1) Setiap Pihak hendaklah menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat untuk membuat dan menerima permintaan menurut Perjanjian ini.
- (2) Permintaan menurut Perjanjian ini hendaklah dibuat dan diterima melalui Konsulat Jeneral Malaysia di Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas.
- (3) Pihak Berkuasa Pusat Pihak-Pihak hendaklah memproses permintaan bagi bantuan bersama undang-undang mengikut peruntukan Perjanjian ini.

- (4) Pihak Berkuasa Pusat bagi Malaysia adalah Peguam Negara atau seseorang yang ditetapkan oleh Peguam Negara. Bagi Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas, Pihak Berkuasa Pusat adalah Setiausaha bagi Keadilan atau seseorang yang diberi kuasa oleh Setiausaha bagi Keadilan. Mana-mana Pihak boleh mengubah Pihak Berkuasa Pusatnya yang dalam hal sedemikian Pihak itu hendaklah memberitahu Pihak yang satu lagi mengenai perubahan itu.
- (5) Pihak Berkuasa Pusat boleh berkomunikasi secara langsung dengan satu sama lain bagi maksud Perjanjian ini.

PERKARA 4

HAD KE ATAS PEMATUHAN

- (1) Pihak yang Diminta hendaklah menolak daripada memberi bantuan jika:
- (a) persetujuan kepada permintaan itu akan, dalam hal Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas, menjejaskan kedaulatan, keselamatan atau ketenteraman awam Republik Rakyat China, atau, dalam hal Malaysia, menjejaskan kedaulatan, keselamatan atau ketenteraman awam Malaysia;
 - (b) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan yang merupakan, atau yang oleh sebab hal keadaan yang dalamnya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan atau telah dilakukan merupakan, suatu kesalahan yang bersifat politik;
 - (c) permintaan bagi bantuan itu berkaitan dengan suatu kesalahan hanya di bawah undang-undang tentera;
 - (d) terdapat alasan substansial untuk mempercayai bahawa permintaan bagi bantuan itu telah dibuat bagi maksud untuk menyiasat, mendakwa, menghukum atau selainnya menyebabkan kemudaratan kepada seseorang kerana ras, agama, jantina, keturunan etnik, kerakyatan atau pendapat politik orang itu;
 - (e) permintaan bagi bantuan itu berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan yang berkenaan dengannya orang itu telah disabitkan, dibebaskan atau diberi pengampunan di Pihak yang Meminta atau telah menjalani hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang Pihak itu;
 - (f) ia berpendapat bahawa persetujuan kepada permintaan itu akan menjejaskan secara serius kepentingan awam yang utama;
 - (g) perbuatan atau peninggalan yang dikatakan menjadi kesalahan itu tidak akan, sekiranya perbuatan atau peninggalan itu telah dilakukan dalam bidang kuasa Pihak yang Diminta, menjadi suatu kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Diminta;

- (h) Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta gagal untuk mengaku janji bahawa butiran yang diminta itu tidak akan digunakan bagi sesuatu perkara selain perkara jenayah yang berkenaan dengannya permintaan itu dibuat dan Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta itu tidak memberikan persetujuan untuk mengetepikan aku janji sedemikian;
 - (i) Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta gagal untuk mengaku janji untuk memulangkan kepada Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta, atas permintaannya, apa-apa butiran yang diperoleh menurut permintaan itu apabila selesai perkara jenayah yang berkenaan dengannya permintaan itu dibuat;
 - (j) pemberian bantuan itu akan memerlukan langkah-langkah yang bertentangan dengan undang-undang Pihak yang Diminta diambil.
- (2) Pihak yang Diminta boleh menolak pemberian bantuan jika Pihak yang Diminta itu berpendapat bahawa pemberian bantuan itu akan memudaratkan keselamatan mana-mana orang atau mengenakan suatu beban yang berlebihan ke atas sumber-sumber Pihak yang Diminta.
- (3) Pihak yang Diminta boleh menolak pemberian bantuan jika Pihak yang Meminta tidak dapat mematuhi mana-mana syarat berkaitan dengan kerahsiaan atau had mengenai penggunaan bahan yang dibekalkan.
- (4) Pihak yang Diminta boleh menangguhkan pemberian bantuan jika pelaksanaan permintaan itu akan mengganggu atau memudaratkan suatu penyiasatan atau pendakwaan yang sedang berjalan di Pihak yang Diminta.
- (5) Sebelum menolak atau menangguhkan pemberian bantuan menurut Perkara ini, Pihak yang Diminta, melalui Pihak Berkuasa Pusatnya—
- (a) hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta mengenai sebab bagi menimbang penolakan atau penangguhan; dan
 - (b) hendaklah berunding dengan Pihak yang Meminta untuk menentukan sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta.
- (6) Jika Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada terma dan syarat yang disebut dalam perenggan (5)(b), Pihak itu hendaklah mematuhi terma dan syarat tersebut.

PERKARA 5

PERMINTAAN

- (1) Permintaan hendaklah dibuat secara bertulis atau, jika boleh, melalui apa-apa kaedah yang dapat menghasilkan suatu rekod bertulis di bawah keadaan yang membolehkan Pihak yang Diminta menentukan kesahan. Dalam situasi yang memerlukan tindakan segera dan jika dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta, permintaan boleh dibuat secara lisan, tetapi dalam hal sedemikian permintaan itu hendaklah disahkan secara bertulis dalam masa sepuluh hari.

(2) Pihak Berkuasa Pusat hendaklah menguruskan penghantaran semua permintaan dan apa-apa komunikasi yang berkaitan dengannya. Dalam situasi yang memerlukan tindakan segera dan jika dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta, permintaan dan apa-apa komunikasi yang berkaitan dengannya boleh dihantar melalui Pertubuhan Polis Jenayah Antarabangsa (INTERPOL).

PERKARA 6

KANDUNGAN PERMINTAAN

- (1) Permintaan bagi bantuan hendaklah termasuk:
- (a) nama pejabat yang meminta dan pihak berkuasa yang berwajib yang menjalankan penyiasatan atau prosiding jenayah yang dengannya permintaan itu berkaitan;
 - (b) suatu perihalan mengenai maksud permintaan itu dan jenis bantuan yang diminta termasuk butir-butir mengenai keterangan, maklumat atau bantuan lain yang diminta;
 - (c) suatu perihalan mengenai jenis penyiasatan, pendakwaan dan kesalahan termasuk penalti maksimum bagi kesalahan itu dan sama ada prosiding telah dimulakan atau tidak;
 - (d) sekiranya prosiding telah dimulakan, butir-butir mengenai prosiding itu;
 - (e) suatu ringkasan mengenai fakta yang berkaitan termasuk suatu perihalan mengenai fakta yang dikatakan menjadi kesalahan itu dan suatu pernyataan atau teks undang-undang yang berkaitan;
 - (f) apa-apa keperluan bagi kerahsiaan dan sebab-sebab baginya;
 - (g) sebab-sebab bagi dan butir-butir mengenai apa-apa tatacara atau keperluan tertentu yang Pihak yang Meminta ingin supaya diikuti;
 - (h) penetapan apa-apa had masa yang dalamnya pematuhan dengan permintaan dikehendaki; dan
 - (i) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki untuk memudahkan pelaksanaan permintaan itu.
- (2) Permintaan bagi bantuan boleh juga, setakat yang perlu, mengandungi maklumat yang berikut:
- (a) identiti, kerakyatan dan lokasi orang atau orang-orang yang menjadi subjek penyiasatan atau prosiding jenayah itu;
 - (b) identiti dan lokasi mana-mana orang yang daripadanya keterangan dikehendaki;
 - (c) identiti dan lokasi seseorang yang kepadanya penyampaian akan dibuat, hubungan orang itu dengan prosiding jenayah itu, dan cara penyampaian dikehendaki dibuat;
 - (d) maklumat mengenai identiti dan lokasi seseorang yang hendak dicari;

- (e) suatu perihalan mengenai cara apa-apa testimoni atau pernyataan dikehendaki diambil atau direkodkan;
- (f) suatu senarai soalan yang hendak ditanyakan kepada seorang saksi;
- (g) suatu perihalan mengenai dokumen, rekod atau butiran keterangan yang hendak dikemukakan serta suatu perihalan mengenai orang yang sepatutnya diminta untuk mengemukakannya dan, setakat yang tidak diperuntukkan selainnya, bentuk yang dalamnya dokumen, rekod atau butiran keterangan itu patut dikemukakan semula dan disahkan;
- (h) suatu pernyataan tentang sama ada keterangan atau pernyataan bersumpah atau berikrar dikehendaki;
- (i) suatu perihalan mengenai harta, aset atau barang yang dengannya permintaan itu berkaitan, termasuk identiti dan lokasinya; dan
- (j) apa-apa perintah mahkamah yang berhubungan dengan bantuan yang diminta dan suatu pernyataan berhubung dengan kemuktamadan perintah itu.

(3) Permintaan itu, segala dokumen yang dikemukakan untuk menyokong permintaan itu dan komunikasi lain yang dibuat menurut Perjanjian ini hendaklah, jika ia bukan dalam bahasa Inggeris, disertakan dengan suatu terjemahan dalam bahasa Inggeris.

(4) Jika Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta mendapati bahawa maklumat yang terkandung dalam permintaan itu tidak mencukupi untuk membolehkan permintaan itu diuruskan, Pihak Berkuasa Pusat itu boleh meminta maklumat tambahan. Pihak yang Meminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat tambahan yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk membolehkan permintaan itu dipenuhi.

PERKARA 7

PELAKSANAAN PERMINTAAN

(1) Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera melaksanakan permintaan itu atau membuat perkiraan bagi pelaksanaannya menerusi pihak berkuasanya yang berwajib.

(2) Sesuatu permintaan hendaklah dilaksanakan mengikut undang-undang Pihak yang Diminta dan, setakat yang tidak dilarang oleh undang-undang Pihak yang Diminta, mengikut arahan yang dinyatakan dalam permintaan itu setakat yang dapat dilaksanakan.

(3) Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta mengenai apa-apa hal keadaan yang berkemungkinan menyebabkan kelengahan ketara untuk memenuhi permintaan itu.

(4) Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak yang Meminta mengenai suatu keputusan untuk tidak mematuhi secara keseluruhan atau sebahagiannya suatu permintaan bagi bantuan dan sebab bagi keputusan itu.

(5) Pihak yang Diminta hendaklah menggunakan usaha terbaiknya untuk menjaga kerahsiaan sesuatu permintaan dan kandungannya kecuali setakat yang perlu untuk melaksanakannya.

(6) Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta hendaklah menjawab dalam tempoh yang munasabah pertanyaan munasabah daripada Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta mengenai kemajuan dalam pelaksanaan permintaan itu.

(7) Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta boleh meminta Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta untuk membekalkan maklumat dalam apa-apa bentuk yang perlu untuk membolehkannya melaksanakan permintaan itu atau untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu di bawah undang-undang dan amalan Pihak yang Diminta untuk memberi kesan kepada permintaan yang diterima daripada Pihak yang Meminta.

PERKARA 8

HAD KE ATAS PENGGUNAAN

(1) Pihak yang Diminta boleh menghendaki, setelah berunding dengan Pihak yang Meminta, supaya maklumat atau keterangan yang dikemukakan, termasuk dokumen, barang atau rekod, dirahsiakan atau hanya dizahirkan atau digunakan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan olehnya.

(2) Pihak yang Meminta tidak boleh menzahirkan atau menggunakan maklumat atau keterangan yang dikemukakan, termasuk dokumen, barang atau rekod, bagi maksud selain maksud yang dinyatakan dalam permintaan itu tanpa persetujuan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Diminta.

(3) Dalam sesuatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang pertuduhan dipinda, maklumat atau keterangan yang dibekalkan boleh terus digunakan dalam penyiasatan, pendakwaan atau prosiding itu setakat yang kesalahan itu, sebagaimana yang dipertuduhkan, merupakan suatu kesalahan yang berkenaan dengannya bantuan bersama undang-undang boleh diberikan di bawah Perjanjian ini.

PERKARA 9

PERLINDUNGAN KERAHSIAAN DAN SEKATAN KE ATAS PENGGUNAAN KETERANGAN DAN MAKLUMAT

(1) Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menggunakan usaha terbaiknya untuk menjaga kerahsiaan permintaan bagi bantuan itu, kandungannya dan dokumen sokongannya, hakikat pemberian bantuan itu dan apa-apa tindakan yang diambil menurut permintaan itu. Jika permintaan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa melanggar kehendak kerahsiaan yang dinyatakan dalam permintaan itu, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta sedemikian, yang kemudiannya hendaklah menentukan sama ada permintaan itu masih patut dilaksanakan.

(2) Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menjaga kerahsiaan keterangan dan maklumat yang dikemukakan oleh Pihak yang Diminta, kecuali setakat yang keterangan dan maklumat itu diperlukan bagi penyiasatan dan prosiding jenayah yang diperihalkan dalam permintaan itu.

BAHAGIAN II – BENTUK BANTUAN

PERKARA 10

PEMEROLEHAN KETERANGAN

(1) Jika suatu permintaan dibuat supaya keterangan diambil bagi maksud suatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berhubung dengan suatu perkara jenayah dalam bidang kuasa Pihak yang Meminta, Pihak yang Diminta hendaklah membuat perkiraan bagi pengambilan keterangan itu.

(2) Bagi maksud Perjanjian ini, pemberian atau pengambilan keterangan hendaklah termasuk pengemukaan dokumen, barang atau rekod.

(3) Bagi maksud permintaan di bawah Perkara ini, Pihak yang Meminta hendaklah menyatakan soalan-soalan yang hendak ditujukan kepada saksi atau hal perkara yang mengenainya mereka hendak diperiksa.

(4) Jika keterangan hendak diambil, menurut suatu permintaan bagi bantuan di bawah Perkara ini, orang yang dengannya penyiasatan, pendakwaan atau prosiding di Pihak yang Meminta itu berkaitan, orang yang akan memberikan keterangan dan wakil Pihak yang Meminta boleh, tertakluk kepada undang-undang Pihak yang Diminta, hadir atau mempunyai wakil di sisi undang-undang atau kedua-duanya bagi maksud untuk menyoal orang yang memberikan keterangan.

(5) Seseorang yang dikehendaki memberikan keterangan di Pihak yang Diminta menurut suatu permintaan bagi bantuan boleh enggan berbuat demikian jika sama ada:

(a) undang-undang Pihak yang Diminta membenarkan atau menghendaki supaya saksi itu tidak memberikan keterangan dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding yang bermula di Pihak yang Diminta; atau

(b) undang-undang Pihak yang Meminta membenarkan atau menghendakinya supaya tidak memberikan keterangan dalam prosiding sedemikian di Pihak yang Meminta.

(6) Jika mana-mana orang menuntut bahawa terdapat hak untuk enggan memberikan keterangan di bawah undang-undang Pihak yang Meminta, Pihak yang Diminta hendaklah bergantung pada suatu perakuan daripada Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta berkenaan dengannya.

PERKARA 11

PENGAMBILAN TESTIMONI MELALUI HUBUNGAN VIDEO ATAU TELEVISYEN

Pihak-Pihak boleh bersetuju berdasarkan kes demi kes untuk menggunakan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi dan multimedia lain yang sesuai mengikut undang-undang dan tatacara Pihak yang Diminta bagi maksud melaksanakan Perjanjian ini jika ia adalah suai manfaat demi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian.

PERKARA 12

MENCARI ATAU MENGENAL PASTI ORANG

Pihak yang Diminta hendaklah, jika diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk menentukan lokasi atau identiti mana-mana orang yang dinyatakan dalam permintaan itu.

PERKARA 13

PENYAMPAIAN DOKUMEN

- (1) Pihak yang Diminta hendaklah menggunakan usaha terbaiknya untuk melaksanakan penyampaian apa-apa dokumen yang dihantar kepadanya bagi maksud penyampaian.
- (2) Pihak yang Meminta hendaklah menghantar sesuatu permintaan bagi penyampaian dokumen yang menghendaki sesuatu jawapan atau kehadiran di Pihak yang Meminta dalam tempoh yang munasabah sebelum jawapan atau kehadiran yang dijadualkan itu.
- (3) Sesuatu permintaan bagi penyampaian dokumen yang berkaitan dengan sesuatu kehadiran di Pihak yang Meminta hendaklah termasuk apa-apa notis yang dapat diberikan dengan semunasabahnya oleh Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta mengenai waran atau perintah kehakiman lain dalam perkara jenayah yang belum dilaksanakan terhadap orang yang hendak disampaikan itu.
- (4) Pihak yang Diminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undangnya, mengembalikan bukti penyampaian mengikut cara yang dikehendaki oleh Pihak yang Meminta.
- (5) Seseorang yang tidak mematuhi apa-apa proses yang disampaikan kepadanya tidak boleh oleh sebab itu dikenakan apa-apa penalti atau tindakan paksaan menurut undang-undang Pihak yang Meminta atau Pihak yang Diminta.
- (6) Bagi maksud perenggan (4), ungkapan “bukti penyampaian” termasuklah maklumat dalam bentuk afidavit mengenai bila dan bagaimana dokumen itu telah disampaikan dan, jika boleh, resit yang ditandatangani oleh orang yang kepadanya ia disampaikan dan jika pegawai yang menyampaikan itu tidak dapat menyebabkan dokumen itu disampaikan, fakta itu dan sebab bagi kegagalan itu.

PERKARA 14

DOKUMEN YANG TERSEDIA SECARA AWAM DAN DOKUMEN RASMI

- (1) Pihak yang Diminta hendaklah membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan dokumen yang tersedia secara awam, termasuk dokumen atau maklumat dalam apa-apa bentuk, dalam milikan jabatan dan agensi kerajaan di Pihak yang Diminta.
- (2) Pihak yang Diminta boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan apa-apa rekod, termasuk dokumen atau maklumat dalam apa-apa bentuk, yang berada dalam milikan sesuatu jabatan atau agensi kerajaan di Pihak yang Diminta tetapi yang tidak tersedia secara awam. Pihak yang Diminta boleh menurut budi bicaranya menolak, secara keseluruhan atau sebahagiannya, suatu permintaan menurut perenggan ini.

PERKARA 15

KEHADIRAN ORANG DI PIHAK YANG MEMINTA

- (1) Pihak yang Meminta boleh meminta bantuan Pihak yang Diminta apabila mengundang seseorang untuk hadir di Pihak yang Meminta untuk memberikan bantuan menurut Perjanjian ini.
- (2) Apabila suatu permintaan sedemikian diterima Pihak yang Diminta hendaklah mengundang orang itu untuk pergi ke Pihak yang Meminta dan memaklumkan Pihak yang Meminta mengenai jawapan orang itu.
- (3) Jika seseorang diminta untuk hadir di Pihak yang Meminta, permintaan itu hendaklah mengandungi maklumat mengenai perkara yang berikut:
 - (a) fi, elaun dan perbelanjaan, jika ada, yang kepadanya dia berhak;
 - (b) perkiraan bagi keselamatannya semasa perjalanannya ke dan dari Pihak yang Meminta dan semasa dia berada di Pihak yang Meminta, jika ada; dan
 - (c) perkiraan bagi penginapannya semasa dia berada di Pihak yang Meminta.

PERKARA 16

KEHADIRAN ORANG DALAM JAGAAN DI PIHAK YANG MEMINTA

- (1) Seseorang dalam jagaan di Pihak yang Diminta yang kehadirannya diminta di Pihak yang Meminta bagi maksud memberikan bantuan menurut Perjanjian ini hendaklah, jika Pihak yang Diminta bersetuju dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, dipindahkan secara sementara dari Pihak yang Diminta ke Pihak yang Meminta bagi maksud itu, dengan syarat orang itu bersetuju dan Pihak yang Meminta telah menjamin bahawa orang itu akan terus berada dalam jagaan dan akan dikembalikan selepas itu ke Pihak yang Diminta.

- (2) Jika hukuman pemenjaraan atas seseorang yang dipindahkan menurut Perkara ini tamat semasa orang itu berada di Pihak yang Meminta, Pihak yang Diminta hendaklah menasihatkan sedemikian kepada Pihak yang Meminta yang hendaklah memastikan orang itu dilepaskan daripada jagaan dan orang itu hendaklah dianggap sebagai seseorang yang disebut dalam Perkara 15 Perjanjian ini.
- (3) Pihak yang Meminta tidak boleh menghendaki Pihak yang Diminta untuk memulakan prosiding bagi penyerahan orang yang dipindahkan itu.
- (4) Tempoh orang itu berada di bawah jagaan Pihak yang Meminta hendaklah diambil kira dalam mengira tempoh pemenjaraan atau tahanannya di Pihak yang Diminta.
- (5) Tiada pemindahan di bawah Perkara ini boleh dilakukan melainkan jika Pihak Berkuasa Pusat Pihak yang Meminta memberikan aku janji—
 - (a) untuk menanggung dan bertanggungjawab bagi segala belanja pemindahan jagaan itu;
 - (b) untuk menahan orang itu di bawah jagaan sah sepanjang pemindahan jagaannya; dan
 - (c) untuk mengembalikannya ke dalam jagaan Pihak yang Diminta sebaik sahaja kehadirannya di hadapan pihak berkuasa atau mahkamah yang berwibawa di Pihak yang Meminta tidak lagi dikehendaki.

PERKARA 17

PERJALANAN SELAMAT

- (1) Jika seseorang hadir di Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 15 atau 16 Perjanjian ini—
 - (a) orang itu tidak boleh ditahan, didakwa, dihukum atau dikenakan apa-apa sekatan kebebasan diri yang lain di Pihak yang Meminta berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan atau sabitan bagi apa-apa kesalahan terhadap undang-undang Pihak yang Meminta yang dikatakan telah dilakukan, atau yang telah dilakukan, sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta;
 - (b) orang itu tidak boleh dikenakan apa-apa guaman sivil (yang merupakan suatu guaman sivil yang tidak boleh dikenakan terhadap orang itu jika dia tidak berada di Pihak yang Meminta) berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan orang itu yang dikatakan telah berlaku, atau yang telah berlaku, sebelum orang itu berlepas dari Pihak yang Diminta.
- (2) Perenggan (1) tidak terpakai jika orang itu, yang bukan merupakan seorang dalam jagaan yang dipindahkan di bawah Perkara 16, dan yang bebas untuk pergi, tidak meninggalkan Pihak yang Meminta dalam tempoh 15 hari berturutan setelah diberitahu bahawa kehadirannya tidak lagi dikehendaki, atau setelah meninggalkan Pihak yang Meminta, telah kembali.

(3) Seseorang yang bersetuju untuk memberikan keterangan di bawah Perkara 15 atau 16 tidak boleh didakwa berdasarkan testimoninya, kecuali bagi sumpah bohong atau penghinaan mahkamah.

(4) Seseorang yang bersetuju untuk memberikan bantuan menurut Perkara 15 atau 16 tidak boleh dikehendaki untuk memberikan bantuan dalam apa-apa prosiding selain prosiding yang berkenaan dengannya permintaan itu berkaitan.

(5) Seseorang yang tidak bersetuju untuk memberikan bantuan menurut Perkara 15 atau 16 tidak boleh oleh sebab itu dikenakan apa-apa penalti atau tindakan paksaan oleh mahkamah Pihak yang Meminta atau Pihak yang Diminta.

PERKARA 18

PENGELEDAHAN DAN PENYITAAN

(1) Pihak yang Diminta hendaklah, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menjalankan permintaan bagi pengeledahan, penyitaan dan penghantarserahan apa-apa bahan kepada Pihak yang Meminta yang berkaitan dengan sesuatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding berhubung dengan suatu perkara jenayah dan dengan syarat bahawa hak pihak ketiga yang *bona fide* dilindungi.

(2) Pihak yang Diminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh Pihak yang Meminta berkenaan dengan hasil apa-apa pengeledahan, tempat penyitaan dan jagaan selanjutnya harta yang disita.

(3) Pihak yang Meminta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pihak yang Diminta berhubung dengan apa-apa harta yang disita yang dihantarserahkan kepada Pihak yang Meminta.

PERKARA 19

HASIL DAN PERALATAN JENYAH

(1) Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk mengenal pasti atau mencari apa-apa hasil atau peralatan jenayah yang terletak dalam bidang kuasanya atau untuk menentukan sama ada apa-apa hasil atau peralatan sedemikian berada dalam bidang kuasanya dan hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta mengenai hasil siasatannya. Dalam membuat permintaan itu, Pihak yang Meminta hendaklah memberitahu Pihak yang Diminta mengenai asas bagi kepercayaan bahawa hasil atau peralatan sedemikian terletak dalam bidang kuasanya.

(2) Jika menurut perenggan (1) hasil atau peralatan jenayah yang disyaki dijumpai, Pihak yang Diminta hendaklah mengambil apa-apa langkah yang dibenarkan oleh undang-undangnya untuk mencegah apa-apa urusan mengenai, pemindahan atau pelupusan, hasil atau peralatan jenayah yang disyaki itu, sementara menunggu suatu penentuan muktamad berkenaan dengan hasil atau peralatan itu oleh suatu mahkamah di Pihak yang Meminta.

- (3) Jika suatu permintaan dibuat bagi bantuan untuk mendapatkan pelucuthakan atau perampasan hasil atau peralatan jenayah, permintaan itu hendaklah dilaksanakan menurut undang-undang Pihak yang Diminta. Ini termasuklah penguatkuasaan sesuatu perintah yang dibuat oleh suatu mahkamah di Pihak yang Meminta.
- (4) Hasil atau peralatan jenayah yang dilucuthakkan atau dirampas menurut Perjanjian ini hendaklah disimpan oleh Pihak yang Diminta melainkan jika dipersetujui selainnya antara Pihak-Pihak.
- (5) Dalam pemakaian Perkara ini, hak pihak ketiga *bona fide* hendaklah dihormati setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Pihak yang Diminta.
- (6) Bagi maksud Perjanjian ini—
- “hasil jenayah” termasuklah—
- (a) harta yang diperoleh atau direalisasikan secara langsung atau tidak langsung akibat pelakuan sesuatu kesalahan; dan
 - (b) harta yang merupakan nilai harta dan faedah lain yang bersamaan yang diperoleh daripada pelakuan sesuatu kesalahan;

“peralatan jenayah” ertinya harta yang digunakan atau yang diniatkan untuk digunakan berkaitan dengan pelakuan sesuatu kesalahan atau nilai yang bersamaan harta itu.

PERKARA 20

PEMULANGAN KETERANGAN

- (1) Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta, di akhir perkara jenayah yang berkenaan dengannya permintaan bagi bantuan itu dibuat memulangkan kepada Pihak yang Diminta apa-apa keterangan, termasuk dokumen, rekod atau butiran, yang dibekalkan kepada Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Perjanjian ini.
- (2) Walau apa pun perenggan (1), Pihak yang Meminta hendaklah pada bila-bila masa, apabila diminta, memulangkan secara sementara kepada Pihak yang Diminta apa-apa keterangan, termasuk dokumen, rekod atau butiran, yang dibekalkan kepada Pihak yang Meminta menurut suatu permintaan di bawah Perjanjian ini jika ia diperlukan bagi sesuatu penyiasatan atau prosiding jenayah di Pihak yang Diminta.

BAHAGIAN III – PERUNTUKAN AKHIR

PERKARA 21

PEMERAKUAN DAN PENGESAHAN

- (1) Dokumen atau bahan lain yang hendak dihantar ke Pihak yang Meminta hendaklah hanya diperakui atau disahkan jika Pihak yang Meminta meminta sedemikian. Dokumen atau bahan lain hendaklah diperakui atau disahkan

oleh pegawai konsular atau diplomatik hanya jika undang-undang Pihak yang Meminta menghendaki sedemikian secara khusus.

(2) Sesuatu dokumen atau bahan lain adalah disahkan dengan sewajarnya bagi maksud Perjanjian ini jika—

(a) dokumen itu berupa sebagai ditandatangani atau diperakui oleh seorang hakim, majistret, atau pegawai Pihak yang Diminta yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh undang-undang Pihak yang Diminta; dan

(b) sama ada—

(i) dokumen itu ditentusahkan dengan sumpah atau ikrar saksi, atau pegawai kerajaan Pihak yang Diminta; atau

(ii) dokumen itu berupa sebagai dimeterai dengan meterai rasmi atau awam Pihak yang Diminta atau Menteri Kerajaan, atau jabatan atau pegawai kerajaan, Pihak yang Diminta.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang pembuktian apa-apa perkara atau kebolehterimaan sebagai keterangan apa-apa dokumen atau bahan lain mengikut undang-undang Pihak yang Meminta.

(4) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang setiap Pihak—

(a) sesuatu dokumen yang ditandatangani dengan tandatangan digital atau elektronik mengikut undang-undang Pihak yang berkenaan hendaklah mengikat di sisi undang-undang seperti suatu dokumen yang ditandatangani dengan suatu tandatangan tulisan tangan, suatu cap ibu jari yang dicapkan atau apa-apa tanda lain; dan

(b) suatu tandatangan digital atau elektronik yang diwujudkan mengikut undang-undang Pihak yang berkenaan hendaklah disifatkan sebagai suatu tandatangan yang mengikat di sisi undang-undang.

PERKARA 22

REPRESENTASI DAN PERBELANJAAN

(1) Pihak yang Diminta hendaklah membuat segala perkiraan yang perlu bagi representasi Pihak yang Meminta dalam apa-apa prosiding yang berbangkit daripada sesuatu permintaan bagi bantuan dan hendaklah selainnya mewakili kepentingan Pihak yang Meminta.

(2) Pihak yang Diminta hendaklah menanggung segala perbelanjaan biasa bagi melaksanakan sesuatu permintaan dalam wilayahnya, kecuali:

(a) fi peguam yang diambil atas permintaan Pihak yang Meminta;

(b) fi dan perbelanjaan saksi pakar;

(c) kos penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian; dan

(d) perbelanjaan perjalanan dan elaun orang yang membuat perjalanan antara Pihak-Pihak yang Meminta dan Diminta.

(3) Jika semasa pelaksanaan permintaan itu adalah jelas bahawa perbelanjaan yang bersifat luar biasa atau besar adalah dikehendaki untuk memenuhi permintaan itu, Pihak-Pihak itu hendaklah berunding untuk menentukan terma dan syarat yang di bawahnya pelaksanaan permintaan itu boleh diteruskan.

(4) Kos untuk mengadakan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi dan multimedia lain yang sesuai, kos yang berkaitan dengan penservisan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi dan multimedia lain yang sesuai, saraan penterjemah yang disediakan oleh Pihak yang Diminta dan elaun bagi saksi dan perbelanjaan perjalanan mereka di Pihak yang Diminta hendaklah dibayar balik oleh Pihak yang Meminta kepada Pihak yang Diminta, melainkan jika Pihak-Pihak bersetuju bersama selainnya.

PERKARA 23

KESESUAIAN DENGAN PERKIRAAN LAIN

(1) Pihak-Pihak boleh memberikan bantuan menurut perjanjian, perkiraan atau amalan lain.

(2) Melainkan jika Pihak-Pihak bersetuju bersama selainnya, Perjanjian ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menjejaskan atau menyekat obligasi yang berkuat kuasa antara Pihak-Pihak di bawah mana-mana triti atau perkiraan antarabangsa, dua hala atau pelbagai hala lain yang mengandungi atau mungkin mengandungi fasal-fasal yang mengawal selia aspek tertentu bantuan kehakiman jenayah antarabangsa, secara keseluruhan atau sebahagiannya, atau amalan yang lebih baik yang mungkin diamalkan oleh Pihak-Pihak dalam perkara ini.

PERKARA 24

RUNDINGAN

(1) Pihak-Pihak Berkuasa Pusat Pihak-Pihak hendaklah berunding, pada masa yang dipersetujui bersama oleh mereka, untuk menggalakkan penggunaan Perjanjian ini yang paling berkesan.

(2) Pihak-Pihak boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang didapati perlu untuk melicinkan pelaksanaan Perjanjian ini.

PERKARA 25

PINDAAN

(1) Perjanjian ini boleh diubah suai atau dipinda pada bila-bila masa melalui persetujuan bertulis bersama Pihak-Pihak. Ubah suaian atau pindaan sedemikian akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dan akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian.

(2) Apa-apa ubah suaian atau pindaan tidaklah menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan Perjanjian ini sebelum atau sehingga tarikh ubah suaian atau pindaan itu mula berkuat kuasa.

PERKARA 26

PENYELESAIAN PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang berbangkit daripada pentafsiran, pemakaian atau pelaksanaan Perjanjian ini hendaklah diselesaikan melalui saluran diplomatik jika Pihak-Pihak Berkuasa Pusat sendiri tidak dapat mencapai persetujuan.

PERKARA 27

PERMULAAN KUAT KUASA DAN PENAMATAN

- (1) Perjanjian ini hendaklah mula berkuat kuasa 30 hari selepas tarikh Pihak-Pihak memberitahu satu sama lain secara bertulis bahawa kehendak mereka masing-masing bagi permulaan kuat kuasa Perjanjian telah dipatuhi.
- (2) Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya tidak kira perbuatan atau peninggalan yang berkaitan yang menjadi kesalahan itu berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.
- (3) Mana-mana Pihak boleh menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan memberikan pemberitahuan bertulis kepada Pihak yang satu lagi. Dalam hal itu, Perjanjian hendaklah terhenti berkuat kuasa enam bulan selepas tarikh pemberitahuan itu.
- (4) Permintaan bagi bantuan yang telah diterima sebelum penamatan Perjanjian ini hendaklah walau apa pun diproseskan mengikut terma Perjanjian seolah-olah Perjanjian masih berkuat kuasa. Penamatan Perjanjian tidaklah menjejaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau yang berdasarkan Perjanjian.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Perjanjian ini.

